

27 NOV 2000

GPMS-Lunas

GPMS MINTA JANGAN POLITIKKAN ISU PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) meminta parti-parti politik yang rancak berkempen untuk pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah kawasan Lunas supaya tidak menggunakan isu Sekolah Wawasan untuk tujuan memancing undi.

Setiausaha Agungnya Syed Anuar Syed Mohamad berkata GPMS turut kesal dengan kenyataan Presiden PAS Datuk Fadzil Nor yang dilaporkan sebagai berkata pakatan pembangkang sepatutnya tidak menyokong konsep Sekolah Wawasan kerana ia boleh menghalang perkembangan bahasa ibunda kaum Cina.

Dalam satu kenyataan hari ini, beliau berkata: "GPMS menganggap penjelasan oleh Menteri Pendidikan (Tan Sri Musa Mohamad) kepada para pengetua dan guru besar Cina mengenai konsep itu telah menyelesaikan segala kekeliruan.

"Dan pihak pembangkang sepatutnya tidak lagi mempolitikkan isu berkenaan hanya semata-mata untuk menarik perhatian pengundi di DUN Lunas."

Laporan akhbar hari ini memetik Fadzil sebagai berkata melalui konsep Sekolah Wawasan, usaha memperkasakan bahasa ibunda setiap kaum akan terhalang walaupun perkembangan bahasa kebangsaan tidak dinafikan.

Sebelum ini, Kesatuan Profesion Perguruan Kebangsaan telah menasihatkan supaya soal pendidikan tidak dipolitikkan kerana ia boleh meninggalkan kesan terhadap masa depan pelajar.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengkritik sebuah gabungan pendidikan Cina yang membantu kempen parti pembangkang di Lunas.

Sekolah Wawasan mempunyai matlamat memupuk perpaduan dan perasaan muhibah di kalangan rakyat di negara ini bermula daripada sekolah rendah lagi.

Pilihan raya kecil itu Rabu ini menyaksikan pertandingan tiga penjujur antara calon Barisan Nasional S. Anthonysamy, calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Saifuddin Nasution Ismail dan calon bebas N. Letchumanan.

-- BERNAMA

MAM AHH NMO